

PERATURAN PEMARKAHAN PINTAS 2026
TASAWWUR ISLAM PERCUBAAN SPM

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	AKIDAH	11	T: DINAMIK
2	‘ALAMIYYAH	12	U: INTEGRITI
3	PEKERJAAN	13	V: ZABUR / INJIL
4	AL-IJARAH	14	W: ZABUR / INJIL
5	ISLAM	15	Y: AL-SYURA / MUSYAWARAH AL-HURRIYYAH/ KEBEBASAN
6	SUAMI	16	Z: AL- SYURA / MUSYAWARAH AL-HURRIYYAH/ KEBEBASAN
7	BAITULMAL	17	/
8	INTEGRITI	18	X
9	R: AMANAH	19	X
10	S: BERSANGKA BAIK	20	/

BAHAGIAN B

No. Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	i.	KBAR Dua amalan yang berkaitan dengan pernyataan: - Berdoa. (1m) - Berzikir. (1m) - Bertawakal. (1m) - Bertaubat. (1m) - Mujahadah. (1m) - Muhasabah. (1m)	2 x 1m [2 markah]
		ii.	Kepentingan amalan tersebut terhadap individu: KBAT -Cadangan jawapan Berzikir / berdoa / taubat akan membentuk jati diri (1m) sebagai muslim yang sejati. (1m) Kesannya, seseorang itu akan beroleh rahmat daripada Allah SWT. (1m) Oleh itu, sebagai seorang muslim, kita hendaklah sentiasa menjaga akidah agar terhindar daripada perkara yang merosakkan akidah. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	[4 markah] Isi H1 H2/HL K
		iii.	Aplikasi sifat di atas: KBAT - Cadangan jawapan Sentiasa membantu mereka yang memerlukan (1m) agar dapat meringankan beban mereka (1m) menyebabkan hubungan antara golongan miskin dan kaya	[4 markah] Isi H1 H2/HL K

		menjadi erat. (1m) Oleh itu kita hendaklah menjadi seorang yang pemurah dan prihatin terhadap orang lain agar dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. (1m)	
		MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	
	(b)	Etika kerja: - Amanah ketika bekerja (1m) seperti tidak menipu. (1m) - Ikhlas bekerja (1m) kerana Allah SWT. (1) - Akur arahan ketua (1m) selagi tidak bertentangan dengan syarak. (1m) - Berdisiplin / menepati masa (1m) agar kerja dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. (1m) - Bekerjasama untuk meningkatkan produktiviti (1m) agar mencapai piawaian. (1m) - Tekun bekerja (1m) supaya memperolehi hasil yang diberkati Allah SWT. (1m)	1 x 2 m [2 markah] Isi dan huraian
	(c) i.	Dua jenis pemilikan harta beserta contoh: - Hak milik individu (1m) seperti tanah. (1m) - Hak milik umum (1m) seperti sungai / laut/ pantai. (1m) - Hak milik negara (1m) seperti sekolah / hasil hutan / galian / hospital. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	ii.	Empat sistem ekonomi konvensional: - Kapitalis. (1m) - Sosialis. (1m) - Komunis. (1m) - Campuran. (1m)	4 x 1m [4 markah]

No. Soalan			Jawapan	Markah
2	(a)	i.	Maksud wahyu: - Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul (1m) melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT. (1m)	1 x 2m [2 markah]
		ii.	Dua fungsi wahyu terhadap akhlak: - Panduan dalam pembentukan akhlak mulia (1m) yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. (1m) - Menetapkan hukum-hukum praktis (1m) yang berkaitan dengan akhlak. (1m) - Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m) agar wujud suasana yang harmoni. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian

	(b)		Dua keistimewaan insan berbanding makhluk lain: - Dikurniakan akal fikiran (1m) agar dapat membezakan baik dan buruk. (1m) - Diberikan kitab (1m) sebagai panduan hidup. (1m) - Diberikan tanggungjawab sebagai khalifah (1m) untuk mentadbir bumi. (1m) - Dianugerahkan rasul (1m) sebagai pembimbing. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	(c)	i.	KBAR -Dua matlamat perundangan Islam: - Memelihara akal. (1m) - Memelihara nyawa. (1m)	2 x 1m [2 markah]
		ii.	Dua implikasi sikap tersebut kepada pengguna jalan raya lain: KBAT – Cadangan jawapan - Menyebabkan berlakunya kemalangan (1m) kerana tidak fokus kepada pemanduan. (1m) - Dikenakan saman (1m) kerana melanggar kesalahan jalan raya. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
		iii.	Cara untuk memupuk pemandu yang berhemah di jalan raya: KBAT -Cadangan jawapan : Mengadakan kempen tentang keselamatan jalan raya (1m) yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memberi pendedahan tentang pentingnya mematuhi undang-undang jalan raya (1m) agar melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab dan beretika ketika memandu. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	[4 markah] Isi H1 H2/HL K

No. Soalan			Jawapan	Markah
3	(a)	i.	KBAR -Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seorang anak: - Membantu ibu bapa di rumah (1m) agar dapat meringankan bebanannya. (1m) - Menjaga maruah ibu bapa (1m) agar mendapat keredaan Allah SWT. (1m) - Mematuhi ajaran agama - Menjauhi perbuatan maksiat - Mematuhi nasihat ibu bapa	1 x 2m [2 markah] Isi dan huraian

		- Menghormati ibu bapa - Berbakti kepada ibu bapa - Berkomunikasi dengan sopan - Menjaga maruah ibu bapa	
	ii.	Mengapakah Islam menitikberatkan kewajipan tersebut kepada seorang anak?: KBAT -Cadangan jawapan Untuk memperoleh keberkatan hidup. (1m) Hal ini sebagai tanda membalas jasa kedua ibu bapa (1m) yang telah banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak. (1m) Kesannya hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih erat dan harmoni. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	[4 markah] Isi H1 H2/HL K
	iii.	Dua implikasi sekiranya seorang anak tidak menunaikan kewajipan tersebut: KBAT – Cadangan jawapan - Hilang keberkatan hidup (1m) kerana reda Allah bergantung kepada reda ibu bapa. (1m) - Jiwa tidak tenang (1m) sehingga boleh merenggangkan hubungan antara anak dan ibu bapa. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
(b)		Dua ciri pentadbiran dan pengurusan Islam: - Bersumber al-Quran dan al-Hadis (1m) sebagai panduan utama. (1m) - Mengamalkan konsep syura (1m) agar wujud keadilan. (1m) - Melaksanakan keadilan (1m) untuk semua pihak. (1m) - Memastikan hak kebebasan kepada setiap individu (1m) agar terpelihara mengikut panduan syarak. (1m) - Mengeratkan ukhuwah (1m) yang berteraskan nilai akhlak. (1m) - Mematuhi dan menghormati peraturan dan undang-undang (1m) yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
(c)	i.	Dua Elemen negara Islam: - Majlis Syura. (1m) - Khalifah. (1m) - Wilayah. (1m) - Rakyat. (1m) - Undang-undang (1m) - Badan kehakiman (1m) - Pentadbiran dan penguatkuasaan. (1m)	2 x 1m [2 markah]

		ii.	Kepentingan tuntutan dan tanggungjawab khilafah perlu dilaksanakan: - Mendapat keredaan Allah SWT (1m) yang berteraskan al-Quran dan al-Hadis. (1m) - Mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat (1m) seperti saling hormat menghormati antara satu sama lain. (1m) - Menjamin keamanan negara (1m) tanpa sebarang perpecahan. (1m) - Memastikan pelaksanaan keadilan kepada semua pihak (1m) agar rakyat tidak dizalimi. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
--	--	-----	--	--

4	(a)	i.	Maksud Waqi'iyah: Islam ialah agama praktikal (1m) mampu diamalkan oleh semua golongan manusia. (1m)	1 x 2m [2 markah]
		ii.	Dua ciri prinsip Waqi'iyah: - Praktikal dan mampu diamalkan (1m) tanpa mengira usia. (1m) - Menyelesaikan masalah kehidupan (1m) kerana Islam agama yang lengkap dan sempurna. (1m) - Menekankan kesederhanaan dan keseimbangan hidup (1m) agar keharmonian terjaga. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	(b)		Dua cara memupuk akhlak mulia dalam kehidupan: - Sentiasa berdoa (1m) agar dihiasi pekerti mulia. (1m) - Mencontohi akhlak Rasulullah SAW (1m) yang luhur budinya. (1m) - Sentiasa mujahadah (1m) dalam memperbaiki diri. (1m) - Bersabar dan istiqamah (1m) dalam berakhlak mulia. (1m) - Mentaati perintah Allah SWT (1m) seperti solat. (1m) - Sentiasa muhasabah diri (1m) agar dapat menilai kekurangan diri. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH.	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	(c)	i.	KBAR -Empat jenis institusi kewangan yang terdapat di Malaysia: - Perbankan Islam. (1m) - Tabung Haji. (1m) - Zakat. (1m) - Takaful. (1m) - Wakaf. (1m) - Baitulmal. (1m)	4 x 1m [4 markah]
		ii.	Dua jenis muamalat Islam yang sesuai dengan kenyataan: KBAT – Cadangan jawapan - Al-Bai' Bithaman Ajil. (1m) - Al-Rahnu. (1m) - Al-Ijarah (1m)	2 x 1m [2 markah]

	iii	Bagaimanakah muamalat tersebut dapat meningkatkan ekonomi umat Islam? KBAT - Cadangan jawapan Membantu golongan yang memerlukan modal (1m) melalui pinjaman yang dilaksanakan dengan mencagarkan barangan yang berharga. (1m) Kesannya peniaga dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan mudah. (1m) Oleh itu, kita hendaklah menggunakan sistem muamalat Islam kerana ia tidak membebankan dan diredhai oleh Allah SW .(1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH (BERKAITAN DENGAN JAWAPAN NO ii	[4 markah] Isi H1 H2/HL K
--	-----	--	--

No. Soalan			Jawapan	Markah
5	(a)	i.	KBAR -Hukuman Islam bagi kesalahan tersebut: - 40 kali sebatan (1m) iaitu mengikut ketetapan syarak. (1m)	1 x 2m [2 markah] Isi dan huraian
		ii.	Ramalkan kesan kepada golongan remaja sekiranya mereka melakukan perbuatan tersebut: KBAT - Cadangan jawapan: Merosakkan otak (1m) sehingga menghilangkan kemampuan untuk berfikir secara waras. (1m) Kesannya mereka mudah terdorong untuk melakukan gejala sosial (1m) yang akhirnya membinasakan diri sendiri. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	[4 markah] Isi H1 H2/HL K
		iii.	Dua kelebihan program tersebut kepada golongan remaja: - Membentuk disiplin diri (1m) agar menjadi lebih bertanggungjawab dalam semua urusan. (1m) - Meningkatkan kecergasan fizikal dan ketahanan diri (1m) agar tabah menghadapi setiap cabaran yang mendatang. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	(b)	i.	Maksud perundangan Islam: - Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) dalam pelbagai aspek kehidupan. (1m)	2 x 1m [2 markah]
		ii.	Dua matlamat sistem perundangan Islam: - Memelihara agama (1m) dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT. (1m) - Memelihara nyawa (1m) seperti menjauhi perbuatan yang membahayakan diri. (1m) - Memelihara akal (1m) seperti menjauhi perbuatan minum arak. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian

		- Memelihara keturunan (1m) agar terhindar daripada perbuatan zina. (1m) - Memelihara harta (1m) supaya dapat dimiliki dengan cara yang sah dan halal. (1m)	
	(c)	Cara untuk memastikan pelaksanaan kehakiman Islam dijalankan mengikut ketentuan syariat: - Menjadikan al-Quran dan al-Hadis (1m) sebagai sumber rujukan utama. (1m) - Melaksanakan etika kehakiman Islam (1m) secara menyeluruh. (1m) - Mematuhi peraturan dan undang-undang negara (1m) seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan. (1m) - Melantik orang yang berkelayakan sebagai hakim (1m) seperti memiliki sifat adil. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian

No. Soalan		Jawapan	Markah
6	(a)	Dua matlamat sistem sosial Islam: - Mendapatkan keredaan Allah SWT (1m) dalam semua aspek kehidupan. (1m) - Melaksanakan tugas sebagai khalifah (1m) untuk mentadbir dan memakmurkan alam. (1m) - Melaksanakan hak dan tanggungjawab (1m) dengan sebaik-baiknya. (1m) - Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup (1m) dengan mengamalkan segala tuntutan Islam. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
	(b) i.	Dua asas pergaulan Islam: - Saling mengenali (Ta'aruf). (1m) - Saling memahami (Tafahum). (1m) - Saling bekerjasama (Ta'awun). (1m)	2 x 1m [2 markah]
	ii.	Dua kepentingan prinsip pergaulan Islam dalam kehidupan seharian: - Memelihara kesucian dan maruah umat Islam (1m) daripada sebarang kehinaan. (1m) - Membentuk masyarakat yang harmoni antara satu sama lain (1m) agar keamanan terjamin. (1m) - Melahirkan manusia yang bertaqwa, istiqamah dan berdisiplin (1m) agar menjadi Muslim sejati. (1m) - Mengukuhkan institusi perkahwinan (1m) agar dapat melahirkan generasi yang bertaqwa. (1m) - Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu (1m) agar perpaduan dapat diwujudkan. (1m) - Menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT (1m) seperti melakukan maksiat. (1m) - Mengelakkan keruntuhan akhlak dan maksiat secara berleluasa (1m) dalam kalangan masyarakat. (1m)	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian

		- Membanteras perlakuan yang menyalahi fitrah (1m) seperti gay, lesbian dan sebagainya. (1m)	
(c)	i.	KBAR - Contoh tanggungjawab pemimpin: - Menjaga kebajikan rakyat (1m) seperti memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. (1m)	2 x 1m [2 markah]
	ii.	Dua tindakan bagi memastikan semua pemimpin menjalankan tanggungjawab: KBAT – Cadangan jawapan - Menghadiri kursus peningkatan profesionalisme (1m) agar dapat meningkatkan kemahiran dalam kepimpinan. (1m) - Mengamalkan kepimpinan berasaskan nilai (1m) seperti adil dalam membuat keputusan. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	2 x 2m [4 markah] Isi dan huraian
(d)		Bagaimanakah sikap tersebut dapat menjamin sesebuah pentadbiran yang baik?: KBAT -Cadangan jawapan Mengelakkan diri daripada sebarang unsur penyelewengan (1m) seperti rasuah dan salah guna kuasa. (1m) Kesannya individu akan lebih bertanggungjawab terhadap segala tugas yang diberikan (1m) yang mengakibatkan ruang untuk berlaku unsur kemungkaran dapat dikurangkan. (1m) MANA-MANA JAWAPAN YANG MUNASABAH	[4 markah] Isi H1 H2/HL K

